

UMNO akan adakan jamuan raikan PM

UM 27/10/03

KUALA LUMPUR 26 Okt. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, UMNO akan mengadakan satu jamuan khas untuk mengucapkan terima kasih dan selamat bersara kepada Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas sambutan Aidil Fitri pada akhir November ini.

Timbalan Presiden UMNO berkata, pihak pengurusan parti akan membincangkan mengenai perkara itu bila tiba masanya untuk menentukan aturcara dan tarikh yang sesuai bagi mengadakan jamuan berkenaan.

“Kita akan berikan cenderamata (kepada Dr. Mahathir) dalam satu majlis jamuan, saya tidak mahu panggil (jamuan) perpisahan (sebaliknya), jamuan terima kasih dan selamat bersara.

“Kita belum bincang (tarikhnya) tetapi bukanlah pada bulan puasa atau awal sangat selepas Hari Raya (Aidil Fitri) kerana kita mahu supaya ramai yang boleh hadir,” katanya.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas upacara perasmian Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk ke-50 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas agenda mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 30 Oktober ini yang bakal menjadi perjumpaan terakhir dipengerusikan oleh Dr. Mahathir selaku Presiden parti.

Terdahulu, Abdullah menyatakan MT tidak bercadang untuk memberikan apa-apa cenderahati kepada Dr. Mahathir pada perjumpaan tersebut.

Dr. Mahathir sebelum ini menyatakan kepada para ahli dan pemimpin UMNO bahawa beliau tidak mahu diraikan secara besar-besaran sempena persaraannya pada akhir bulan ini.

Menurut Abdullah, MT pada mesyuarat Khamis ini akan memberikan peluang kepada Dr. Mahathir untuk bercakap mengenai apa sahaja yang dikehendakinya.

“Kita akan berikan lebih masa kepada Perdana Menteri untuk bercakap, apa juga mengenai masa depan, kedudukan UMNO.

“Apa sahajalah, melalui pengalaman beliau sebagai pemimpin yang sudah 22 tahun menjadi presiden parti dan pengerusi Barisan Nasional,” kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO juga akan memberikan laporan kepada MT mengenai beberapa perkara termasuk perkara-perkara berkaitan jawatankuasa penaja.